



Australian Government
Department of Agriculture,
Water and the Environment

Panduan mengimport barang yang dikawal atur oleh *Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*



© Komanwel Australia 2020

Pemilikan hak harta intelektual

Kecuali dinyatakan sebaliknya, hak cipta (dan hak harta intelektual yang lain) terhadap terbitan ini dimiliki oleh Komanwel Australia (dirujuk sebagai “Komanwel” sahaja).

Lesen *Creative Commons*

Semua bahan di dalam terbitan ini diberi lesen di bawah Lesen Antarabangsa Atribusi *Creative Commons* 4.0 kecuali kandungan yang dibekalkan oleh pihak ketiga, logo dan Jata Komanwel.

Pertanyaan mengenai lesen ini dan penggunaan dokumen ini hendaklah dihantarkan secara e-mel ke copyright@awe.gov.au.



Data pengkatalogan

Terbitan ini (dan apa-apa bahan yang diambil daripadanya sebagai sumber) hendaklah diiktiraf sebagai hasil: Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar 2020, *Panduan mengimport barang yang dikawal atur oleh Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*, Canberra, Mac. CC BY 4.0.

ISBN 978-1-76003-278-4

Terbitan ini boleh didapati di environment.gov.au/protection/emissions-standards

Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar
GPO Box 858 Canberra ACT 2601
Telefon 1800 803 772
Web awe.gov.au

Kerajaan Australia, yang bertindak melalui Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar, telah menggunakan ketelitian dan kemahiran yang sewajarnya ketika menyediakan dan menyusun maklumat dan data di dalam terbitan ini. Meskipun demikian, Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar, pekerja-pekerjanya dan para penasihatnya menafikan segala liabiliti, termasuk liabiliti atas sebab kecuai dan terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kecederaan, belanja atau kos yang tertanggung oleh sesiapa pun kerana mendapatkan, menggunakan atau bergantung pada mana-mana maklumat atau data di dalam terbitan ini setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

Kandungan

1. Pengenalan	5
2. Perihal rangka kerja undang-undang	6
3. Proses mengimport produk di bawah piawaian sebaran kotoran untuk broker kastam	7
4. Produk yang diliputi oleh piawaian	8
5. Perakuan	10
6. Pengecualian	13
7. Soalan Perlindungan Komuniti	14
8. Kod tarif	15
9. Kesalahan dan hukuman	16
10. Maklumat yang berkenaan dengan klien anda	17
11. Maklumat selanjutnya	18
Rajah	
1 Proses mengimport produk terkawal sebaran kotoran untuk broker kastam	7
2 Format nombor perakuan contoh Peringkat II Euro	11
3 Format nombor perakuan contoh Peringkat V Euro	12
Jadual	
1 Contoh produk yang biasanya diliputi oleh piawaian	8
2 Kategori pengecualian	13
3 Kod tarif yang terpaut pada Soalan Perlindungan Komuniti	15
4 Hukuman bagi pelanggaran mengimport, membekalkan dan mengilang	16
Petak	
1 Soalan Perlindungan Komuniti	14
2 Contoh ambang levi	17

1. Pengenalan

Piawaian Sebaran Kotoran Produk mengawal atur pengimportan, pembekalan dan pengilangan enjin dan peralatan pencucuhan percikan api bukan jalan raya, melalui *Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017* dan Kaedah Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017. Panduan ini menyediakan maklumat tentang cara mengimport produk yang terangkum oleh piawaian ini, termasuk cara melengkapkan akuan importnya.

Mulai 1 Julai 2018, semua peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan dan enjin marin baharu yang dikilangkan secara domestik atau diimport masuk ke Australia dikehendaki menepati piawaian sebaran kotoran yang dinyatakan dalam Kaedah. Semasa mengimport produk-produk ini, broker kastam perlu tahu bahawa Soalan Perlindungan Komuniti tercetus apabila kod tarif yang tertentu digunakan.

Mulai 1 Julai 2020, pengimportan peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan yang diperakui di Eropah beralih daripada piawaian Peringkat II Euro kepada piawaian Peringkat V Euro. Juga mulai tarikh ini, semua peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan dan enjin marin baharu yang dibekalkan di Australia mesti menepati piawaian ini.

Jabatan ini menjalankan aktiviti pematuhan selepas sempadan bagi barang import di bawah Akta. Jika berlaku pelanggaran, pengimport dan pembekal produk terkawal sebaran kotoran bertanggungjawab terhadap kesalahan yang berkait dengan pengimportan, pembekalan, pelabelan dan penyimpanan rekod. Produk terkawal sebaran kotoran yang diimport tanpa nombor perakuan atau pengecualian boleh dirampas dan pengimport boleh dikenakan hukuman dan didakwa.

Perkara-perkara penting untuk broker kastam

Pengimport produk terkawal sebaran kotoran mesti memastikan bahawa produk itu sama ada membawa perakuan Australia atau perakuan daripada pihak berkuasa antarabangsa yang diiktiraf, ataupun telah dikecualikan daripada piawaian sebaran kotoran Australia.

Pihak berkuasa antarabangsa yang diiktiraf ialah Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (*United States Environmental Protection Agency* [US EPA]), Lembaga Sumber Udara California (*California Air Resources Board*), negara-negara anggota Kesatuan Eropah serta Perubahan Alam Sekitar dan Iklim Kanada (*Environment and Climate Change Canada*). Pengimport hendaklah menyemak syarat-syarat pengimportan sebelum mengimport barangan dan memberikan masa yang secukupnya untuk memohon perakuan Australia atau pengecualian jika diperlukan.

Selaras dengan *Akta Kastam 1901*, broker kastam mesti menjawab Soalan Perlindungan Komuniti (CPQ) dengan betul dalam Sistem Kargo Bersepadu (ICS) dengan memasukkan nombor perakuan (asing atau Australia) atau pengecualian yang betul.

Untuk melakukannya, broker kastam hendaklah:

- memasukkan satu nombor siji di dalam setiap baris pada akuan import
- memastikan bahawa akuan importnya tidak menggolongkan produk terkawal sebaran kotoran dengan produk yang tidak terangkum oleh piawaian ini
- mengikuti arahan yang diberikan di dalam panduan ini di bawah tajuk 'Perihal nombor perakuan asing' jika nombor perakuan melebihi had aksara yang ada dalam ICS.

Pentadbiran piawaian sebaran kotoran ini boleh didapatkan balik kos sepenuhnya. Data import yang dikutip melalui ICS digunakan untuk menghitung levi. Bayaran khidmat dikenakan bagi permohonan perakuan dan pengecualian.

2. Perihal rangka kerja undang-undang

Undang-undang Piawaian Pelepasan Produk terdiri daripada:

- *Akta Piawaian Pelepasan Produk 2017*—yang membenarkan menteri menyusun Kaedah yang menetapkan piawaian sebaran kotoran mandatori bagi produk dan memperincikan aturan pentadbiran untuk mengawal atur produk tersebut. Akta ini juga menetapkan kesalahan dan hukuman sivil bagi pengimportan dan pembekalan produk yang tidak patuh, dan mencetuskan peruntukan pematuhan dan penguatkuasaan di bawah Akta Kuasa Kawal Atur 2014
- *Akta Caj Piawaian Sebaran Kotoran Produk (Kastam) 2017 dan Akta Caj Piawaian Sebaran Kotoran Produk (Eksais) 2017*—yang membenarkan levi dikenakan terhadap produk yang diimport masuk atau yang dikilangkan secara domestik di Australia
- *Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk (Peruntukan Turutan) 2017*—yang membenarkan pemindaan seksyen 299 Akta Kastam 1901 sehubungan dengan perampasan barangan di sempadan
- *Akta Pengiktirafan Bersama Rentas Tasman 1997*—yang membenarkan produk yang terangkum oleh piawaian sebaran kotoran dikecualikan daripada aturan pengiktirafan bersama.


Undang-undang subordinat terdiri daripada:

- *Kaedah Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*—yang memberikan butir-butir tentang produk-produk yang dikawal atur
- *Peraturan Caj Piawaian Sebaran Kotoran Produk (Kastam) 2018 dan Peraturan Caj Piawaian Sebaran Kotoran Produk (Eksais) 2018*—yang menetapkan levi bagi produk yang diimport dan yang dikilangkan secara domestik.

3. Proses mengimport produk di bawah piawaian sebaran kotoran untuk broker kastam

Carta alir ini telah dihasilkan untuk membantu broker kastam memahami maklumat apa yang diperlukan daripada klien untuk mengimport produk yang terangkum oleh piawaian sebaran kotoran ini.

Rajah 1 Proses mengimport produk terkawal sebaran kotoran untuk broker kastam



Harap maklum bahawa semua pernyataan yang dibuat dalam ICS atau sehubungan dengan akuan import, termasuk jawapan bagi Soalan Perlindungan Komuniti dan di dalam ruang-ruang mandatori yang biasa pada akuan import, dianggap sebagai pernyataan kepada Pegawai Kastam.

4. Produk yang diliputi oleh piawaian

Bahagian 2 Kaedah memperincikan produk yang terangkum oleh piawaian, termasuk:

- enjin pencucuhan percikan api bukan jalan raya yang baharu dan lengkap, yang mempunyai kuasa maksimum enjin sebanyak 19 kilowatt ke bawah, atau 25.5 kuasa kuda ke bawah
- enjin marin dorongan pencucuhan percikan api yang baharu dan lengkap.
- Produk ini kebanyakannya enjin berkuasa petrol tetapi juga merangkumi sebilangan kecil enjin berkuasa gas.

Jadual 1 Contoh produk yang biasanya diliputi oleh piawaian

Bukan pegangan tangan	Pegangan tangan	Marin
Pemampat udara	Gergaji bata/konkrit	Enjin marin bantu
Mesin pengangkat bata	Pemotong semak samun	Enjin di dalam kapal
Pemetik ceri/lif gunting	Penggetar/pelantak konkrit	Enjin bot jet
Pencanai konkrit	Gergaji rantai	Enjin motor sangkut
Pembancuh konkrit	Enjin untuk peralatan bukan jalan raya	Pesawat air peribadi
Jentera angkut puing	Pemangkas pinggir halaman rumput	Enjin pacuan buritan
Enjin untuk peralatan bukan jalan raya	Gerudi tukul	Skuter air
Pam air/pemadaman api	Pemangkas pagar hidup	
Penjana/penyongsang	Gerudi tukul batuan	
Go kart	Penyedut/peniup daun	
Pengudara/pengorek halaman rumput	Peniup kabus	
Penyedut daun/halaman (berjalan di belakang)	Galah pencantas	
Pembelah balak	Penggerak/gerimit lubang tiang	
Jentera angkut mini	Penyapu kuasa	
Penyungkup/penyerpih	Mesin sudip (konkrit)	
Penggelek padang	Pemotong libas/pemangkas jenis tali	
Penyendat jenis plat		
Pencuci/pembasuh tekanan		
Mesin pemotong rumput jenis tolak		
Mesin pemotong rumput jenis tunggang		
Cangkul putar		
Penebas (jenis tunggang)		
Peniup salji		
Pemotong sod		
Pengisar tunggul		
Mesin penyapu (bukan pegangan tangan)		

Perhatian: Senarai ini tidak lengkap dan disediakan sebagai panduan sahaja. Enjin tertakluk kepada piawaian sebaran kotoran, sama ada diimport ataupun dibekalkan sebagai enjin sahaja ataupun di dalam peralatan.

Jika produk yang hendak diimport oleh klien anda tidak tersenarai di dalam jadual di atas ini, tetapi anda merasakan bahawa produk itu mungkin produk terkawal sebaran kotoran, rujuk definisi teknikal dalam Bahagian 2 Kaedah. Selain itu, anda juga boleh meminta klien anda menghubungi pengilang untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Produk apakah yang tidak diliputi?

Antara produk yang tidak terangkum oleh Kaedah ini ialah:

- enjin dan peralatan terpakai
- peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan berkuasa 19.1 kilowatt ke atas
- kenderaan semua rupa bumi
- hoverkraf
- pesawat amfibia
- enjin dan peralatan mampatan (diesel).

Piawaian sebaran kotoran produk Australia sejajar dengan piawaian US EPA. Walau bagaimanapun, Kaedah tidak menetapkan piawaian bagi sebaran kotoran sejatan.

5. Perakuan

Pengimport mesti memastikan bahawa produk terkawal sebaran kotoran yang diimport masuk ke Australia (mulai 1 Julai 2018) ataupun yang dibekalkan (mulai 1 Julai 2020) ke pasaran Australia membawa sama ada perakuan Australia atau perakuan daripada pihak berkuasa antarabangsa yang diiktiraf. Pengimport dan pembekal kedua-duanya boleh dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan di bawah Akta.

Perihal produk yang diperakui di negara asing

Pihak berkuasa asing yang diiktiraf dalam Kaedah ialah:

- Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (US EPA)
- Lembaga Sumber Udara California (CARB)
- negara-negara anggota Kesatuan Eropah
- Perubahan Alam Sekitar dan Iklim Kanada

Perihal nombor perakuan asing

Produk yang diperakui oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat

Bagi enjin yang diperakui menepati piawaian US EPA (CFR 1054 atau CFR 1045), nama keluarga enjin hendaklah dianggap sebagai nombor perakuan dan dimasukkan sebagai jawapan bagi Soalan Perlindungan Komuniti. Boleh diterima juga jika dimasukkan nombor perakuan Sijil Keakuran, iaitu nombor keluarga enjin dengan akhiran 3 angka, yang diberikan oleh EPA.

Nama keluarga enjin boleh didapati daripada [pangkalan data perakuan US EPA](#).

Produk yang diperakui oleh Lembaga Sumber Udara California

CARB mengikuti tatanama keluarga enjin yang sama seperti US EPA. Nama keluarga enjin dianggap sebagai nombor perakuan dan hendaklah dimasukkan sebagai jawapan bagi Soalan Perlindungan Komuniti. Boleh diterima juga jika dimasukkan nombor Perintah Eksekutif (CARB menggelar sijil keakurannya 'Perintah Eksekutif') yang berkenaan.

Nama keluarga enjin dan nombor Perintah Eksekutif (EO) kedua-duanya boleh didapati pada [Pangkalan Data Perakuan Luar Jalan](#) CARB. Di dalam pangkalan data ini, nombor EO dihiperpaut pada EO sebenar bagi keluarga enjin tersebut.

Produk yang diperakui oleh pihak berkuasa Kesatuan Eropah

Bagi enjin yang diperakui menepati piawaian EU untuk enjin bukan jalan raya (dirujuk sebagai jentera mudah alih bukan jalan raya atau NRMM), 'nombor kelulusan jenis' ialah nombor perakuannya dan hendaklah dimasukkan sebagai jawapan bagi Soalan Perlindungan Komuniti.

Peruntukan peralihan bagi produk yang diperakui oleh Kesatuan Eropah

Menurut Kaedah, produk bukan jalan raya yang diperakui di Eropah beralih daripada piawaian sebaran kotoran Peringkat II Euro kepada piawaian sebaran kotoran Peringkat V Euro. Peralihan ini akan bermula pada 1 Julai 2020. Peralihan ini berlaku dengan pemberhentian berperingkat piawaian sebaran kotoran Peringkat II Euro oleh Kesatuan Eropah, yang diikuti dengan penggunaan peralihan Peringkat V pada tahun 2016 di bawah Perintah 2016/1628.

Di bawah piawaian sebaran kotoran Peringkat II Euro, enjin yang terangkum oleh salah satu perintah pindaan pada Perintah 97/68/EC diterima bagi tempoh peralihan ini sahaja: 2002/88/EC, 2004/26/EC, 2006/105/EC, 2010/26/EU, 2011/88/EU atau 2012/46/EU. Perintah-perintah ini meminda Perintah 97/68/EC.


Produk yang diperakui menepati Peringkat II Euro boleh diimport masuk ke Australia sehingga 30 Jun 2020. Selepas tarikh ini, produk Eropah mesti diperakui menepati piawaian Peringkat V Euro dan dilabelkan dengan betul sebelum boleh diimport masuk ke Australia. Produk yang diperakui menepati Peringkat II Euro boleh dibekalkan di Australia sehingga 30 Jun 2021. 'Bekalan' merangkumi berian percuma, sebagai sebahagian daripada urus janji atau sebagai tawaran istimewa apabila membekalkan produk lain.

Nombor perakuan Peringkat II Euro dan Peringkat V Euro kedua-duanya ada pada sijil kelulusan jenis dan sepatutnya ada pada label sebaran kotoran yang sepadan dengannya pada enjin. Sijil ini secara amnya dikeluarkan kepada pengilang selepas produknya diperakui menepati piawaian sebaran kotoran.


Ruang yang disediakan dalam ICS dihadkan kepada 35 aksara. Jika nombor perakuan Peringkat V Euro melebihi had aksara ini, broker kastam hendaklah meninggalkan semua tanda bintang (asterisk) dan garis condong ke depan untuk memuatkan nombor yang lengkap. Jika produk diperakui menepati piawaian asing yang lain, broker kastam boleh menggunakan nombor ini dan bukannya nombor perakuan EU.

Nombor perakuan Peringkat V Euro (Rajah 3) mudah dibezakan dengan nombor perakuan Peringkat II Euro (Rajah 2) dan menggunakan format yang berbeza.

Rajah 2 Format nombor perakuan contoh Peringkat II Euro



Rajah 3 Format nombor perakuan contoh Peringkat V Euro



Lihat [Nota panduan untuk pengimport dan broker](#) tentang nombor perakuan untuk mendapatkan panduan terperinci mengenai nombor perakuan asing.

Perakuan Australia

Jika produk belum lagi diperakui menepati piawaian antarabangsa yang diiktiraf, permohonan perakuan boleh dibuat melalui [pelantar Perkhidmatan Dalam Talian](#) jabatan ini. Permohonan biasanya dibuat oleh pengilang dan perlu dikemukakan bersama hasil ujian sebaran kotoran makmal kepada jabatan ini untuk dinilai. Jika perakuan Australia diberikan, nombor perakuan akan dikeluarkan kepada pemohon. Nombor unik ini mesti dinyatakan apabila menjawab Soalan Perlindungan Komuniti dalam ICS.

Lihat [Panduan tentang perakuan Australia di bawah Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017](#) untuk mendapatkan panduan yang terperinci mengenai nombor perakuan.

6. Pengecualian

Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar boleh memberikan pengecualian untuk membenarkan produk yang tidak diperakui diimport atau dibekalkan ke pasaran Australia dalam beberapa keadaan yang tertentu. Seksyen 30 Kaedah menyatakan 6 kategori pengecualian untuk memohon pengecualian (Jadual 2).

Permohonan pengecualian dibuat melalui [pelantar Perkhidmatan Dalam Talian](#) jabatan ini. Jika pengecualian diberikan, nombor pengecualian akan dikeluarkan kepada pemohon. Nombor pengecualian ini mesti dinyatakan apabila menjawab Soalan Perlindungan Komuniti dalam ICS.

Jadual 2 Kategori pengecualian

Kategori pengecualian (rujukan Kaedah)	Keterangan
Eksport (30(1)(a))	Produk akan dieksport daripada Australia tetapi tidak digunakan di Australia.
Penilaian, pengujian dan peragaan (30(1)(b))	Produk akan diuji, dinilai, diperagakan, diiklankan, ditawarkan bekalannya atau ditempah lebih awal tetapi tidak digunakan atau dibekalkan di Australia sebelum produk diperakui.
Keselamatan Negara (30(1)(c))	Produk akan digunakan oleh Pasukan Pertahanan Australia, pihak penguatkuasaan undang-undang atau agensi keselamatan untuk tujuan keselamatan negara.
Perkhidmatan Kecemasan (30(1)(d))	Produk akan digunakan oleh organisasi perkhidmatan kecemasan.
Pertandingan (30(1)(e))	Produk akan digunakan dalam pertandingan teratur.
Enjin ganti (30(1)(f))	Enjin ganti bagi enjin yang tidak diperakui dan tidak boleh diselenggarakan.

Bagi kategori pengecualian keselamatan negara, perkhidmatan kecemasan, pertandingan teratur dan enjin ganti, pemohon mesti memenuhi kriteria bagi kategori yang dinamakan dan mampu menunjukkan bahawa tiada produk lain yang boleh didapati, yang menepati piawaian sebaran kotoran dan boleh digunakan sebagai ganti.

7. Soalan Perlindungan Komuniti

Kod-kod tarif yang tertentu dipaut pada pengimportan produk yang dikawal atur di bawah Kaedah. Apabila kod tarif yang terpaut dimasukkan ke dalam Sistem Kargo Bersepadu (ICS), Soalan Perlindungan Komuniti (CPQ) akan tercetus.

Petak 1 Soalan Perlindungan Komuniti

‘Adakah barangan ini (atau adakah barangan ini mengandungi) enjin bukan jalan raya pencucuhan percikan api baharu atau enjin marin dorongan pencucuhan percikan api baharu seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 7, 8 dan 9 *Kaedah Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*?

Jika jawapannya ya, masukkan nombor perakuan atau pengecualian yang berkenaan bagi produk ini.’

Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar menjalankan audit kepatuhan tentang maklumat yang diberikan oleh CPQ dan kod-kod tarif lain yang dipantau, dan akan mengambil tindakan susulan dengan pengimport.

Menjawab Soalan Perlindungan Komuniti

CPQ mesti dijawab dan nombor perakuan atau pengecualian mesti dimasukkan apabila digesa. Jika klien anda tidak memberikan nombor perakuan atau pengecualian, anda harus menanya klien anda sama ada produk itu diperakui menepati piawaian sebaran kotoran.

Jika klien anda memberitahu anda bahawa produk itu diperakui tetapi tidak dapat memberi anda nombor perakuannya, anda boleh menjawab ya bagi CPQ dan membiarkan ruang nombor perakuan atau pengecualian kosong. Walau bagaimanapun, anda harus memaklumkan kepada klien anda bahawa Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar akan menerima pemberitahuan bahawa produk itu telah dimasukkan ke dalam ICS tanpa nombor perakuan atau pengecualian. Jabatan ini akan menghubungi pengimport untuk menentukan sebab nombor ini tidak diberikan.

Ruang yang disediakan dalam ICS dihadkan kepada 35 aksara. Jika nombor perakuan Peringkat V Euro melebihi had aksara ini, broker kastam hendaklah meninggalkan semua tanda bintang (asterisk) dan garis condong ke depan untuk memuatkan nombor yang lengkap.

Jika klien anda memberitahu anda bahawa produk itu tidak diperakui, anda boleh memberitahu klien anda bahawa perbuatan mengimport produk yang tidak diperakui menepati piawaian sebaran kotoran itu menyalahi undang-undang. Dalam keadaan begini, anda atau klien anda harus menghubungi jabatan ini dengan segera. Seandainya klien anda memberitahu anda bahawa produk itu diperakui tetapi didapati kemudian bahawa produk itu tidak diperakui, pengimport akan dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan di bawah Akta.

8. Kod tarif

Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar telah mengenal pasti beberapa kod tarif yang meliputi produk terkawal sebaran kotoran. Jadual 3 mengandungi kod-kod tarif yang terpaut pada Soalan Perlindungan Komuniti pada masa ini. Ini bukan senarai lengkap kod tarif yang dipantau di bawah program kepatuhan kami dan kod-kod tarif yang lain boleh dimasukkan.

Jadual 3 Kod tarif yang terpaut pada Soalan Perlindungan Komuniti

Kod tarif	Kod Statistik
84072100	49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 61, 62, 63, 64, 65
84072900	25
84073100	26
84073200	11
84079030	30, 31
84137090	62
84148019	50
84244100	01
84243090	51
84304900	19, 44
84305000	45
84306100	23
84322900	47
84328000	14
84331100	48, 55, 56
84331900	62, 63
84368090	42
84641000	10
84659600	37
84678100	10
84678900	28, 60, 68
84743100	24
84791000	14
84798990	90
85022000	38, 39
89039210	15, 16
89039290	17
89039910	18

9. Kesalahan dan hukuman

Pengimport dan pembekal boleh dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan di bawah Akta, yang berkait dengan:

- pengimportan
- pembekalan
- pelabelan
- penyimpanan rekod.

Produk yang diimport tanpa nombor perakuan atau pengecualian boleh dirampas dan pengimport boleh dikenakan hukuman dan didakwa. Setiap pelanggaran mengimport, membekalkan dan mengilang boleh dikenakan hukuman maksimum (Jadual 4).

Jadual 4 Hukuman bagi pelanggaran mengimport, membekalkan dan mengilang

Jenis pelanggaran	Unit hukuman maksimum bagi setiap pelanggaran	Denda maksimum bagi setiap pelanggaran
Kesalahan liabiliti tegas (individu)	60 (1 unit hukuman bersamaan dengan \$210)	\$12,600
Kesalahan liabiliti tegas (badan korporat)	300 (1 unit hukuman bersamaan dengan \$210)	\$63,000
Peruntukan hukuman sivil	120 (1 unit hukuman bersamaan dengan \$210)	\$25,200

Semua produk mesti dilabelkan selaras dengan Bahagian 6 Kaedah, termasuk:

- melabel selaras dengan piawaian asing berkenaan yang diiktiraf
- melabel selaras dengan seksyen 39 (2) Kaedah jika produk membawa perakuan Australia.

Mulai 1 Julai 2018, pengimport dikehendaki menyimpan rekod selaras dengan Bahagian 7 Kaedah.

Mulai 1 Julai 2020, pembekal juga dikehendaki menyimpan rekod. Rekod perlu disimpan selama 5 tahun selepas penghujung setiap tahun kewangan

10. Maklumat yang berkenaan dengan klien anda

Maklumat yang dimasukkan ke dalam ICS dan CPQ digunakan untuk menghitung levi yang perlu dibayar oleh pengimport pada penghujung setiap tahun kewangan.

Levi dikenakan pada kadar 0.45% daripada nilai produk yang diimport dan hanya perlu dibayar jika jumlah semua produk yang diimport dalam sesuatu tahun kewangan bernilai lebih daripada \$32,000. Levi ini juga tertakluk kepada ambang nilai yang tinggi supaya tidak lebih daripada \$90 perlu dibayar untuk mengimport mana-mana satu barang (Petak 2).

Petak 2 Contoh ambang levi

Contoh ambang levi rendah

Ambang: Produk-produk bernilai sejumlah \$32,000 diimport dalam tempoh satu tahun kewangan.

- Jika pengimport mengimport sejumlah \$40,000 produk sepanjang tempoh satu tahun kewangan, pengimport telah melebihi ambang levi rendah, dengan itu liabiliti levi importnya kini berjumlah \$180 (0.45% daripada \$40,000).
- Jika pengimport mengimport sejumlah \$29,000 produk sepanjang tempoh satu tahun kewangan, pengimport tidak perlu membayar levi kerana nilai ini kurang daripada ambang levi rendah sebanyak \$32,000.

Contoh ambang barang bernilai tinggi

Ambang: \$20,000 setiap barang.

- Jika pengimport mengimport sebuah bot bernilai \$50,000 (termasuk enjinnya) sepanjang tempoh satu tahun kewangan, hanya \$20,000 daripada nilainya diambil kira apabila menghitung levi. Pengimport tidak perlu membayar levi kerana nilai \$20,000 itu kurang daripada ambang levi rendah sebanyak \$32,000.
- Jika pengimport mengimport 5 buah bot (termasuk enjinnya) bernilai \$50,000 setiap satunya, hanya \$20,000 daripada nilai setiap bot akan diambil kira apabila menghitung levi importnya sebanyak \$450 (0.45% daripada \$100,000).

Berikutan penghujung tahun kewangan, jika pengimport melebihi ambang levi import, pemberitahuan liabiliti akan dihantar kepada pengimport untuk memberitahunya tentang liabiliti itu dan memberinya masa 3 bulan untuk meminda data importnya, jika perlu. Pemberitahuan terakhir yang menyatakan amaun levi dan inveis akan dihantar pada bulan Oktober tahun yang sama.

11. Maklumat selanjutnya

Jika anda ingin bertanya tentang piawaian sebaran kotoran produk, sila hantarkan e-mel ke Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar melalui alamat productemissions@awe.gov.au atau telefon **1800 803 772**.

Soalan yang kerap ditanya boleh didapati pada laman web jabatan ini, iaitu environment.gov.au/protection/emissions-standards/faqs

